

TINGKAT AMAL IBADAT CAPAI DARJAT MUTTAKIN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَرْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَعَبَدُوا رَبَّهُمْ وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ

تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾

(Surah Al-Haj, ayat 77)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SAUDARA MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Patuhilah segala suruhan Allah SWT dan tinggalkanlah segala larangan-Nya agar menjadi orang yang bertakwa dan terselamat pada hari kiamat yang mengandungi peristiwa-peristiwa yang amat mengerikan. Sehubungan itu, marilah kita rafakkan tahmid dan syukur ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan kita sekali lagi untuk bersua dengan bulan Ramadan al-mubarak tahun ini, seterusnya menunaikan ibadah puasa dengan penuh keimanan dan pengharapan. Sesungguhnya, berpuasa sebulan Ramadan merupakan ibadah yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi hamba-hamba-Nya untuk mencapai darjat muttakin sebagaimana firman-Nya:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ

تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa." (S. Al-Baqarah: 183).

HADIRIN JEMAAH YANG MULIA,

Sesungguhnya Ramadan yang hadir membawa kita sekali lagi memasuki madrasah Ramadan untuk mengikuti fasa pendidikan dan latihan rohani melalui ibadah puasa. Madrasah yang kurikulumnya menahan perut daripada lapar dan dahaga mulai terbit fajar hingga terbenam matahari ini bertujuan mentarbiah insan Muslim memantapkan dan mendisiplin diri membina kekuatan rohani bagi menghadapi dan mengekang godaan syaitan dan nafsu syahwat yang sering mengajak ke arah dosa dan maksiat.

Kurikulum puasa ini menuntut setiap individu supaya bersifat ikhlas, amanah dan jujur selain menjauhi maksiat dan perkara-perkara yang sia-sia bagi mencapai kesempurnaan ibadah puasa hatta mencapai darjat taqwa yang sebenar disisi Allah SWT.

Imam al-Ghazali dalam bukunya Ihya Ulumuddin membahagikan tahap puasa kepada tiga, iaitu:

Pertama, puasa umum. Ia adalah tahap puasa yang paling rendah iaitu hanya sekadar menahan daripada makan, minum dan jimak. Puasa tahap ini adalah puasa orang kebanyakan.

Kedua, puasa khusus. Puasa tahap ini memulihara seluruh anggota tubuh daripada perbuatan maksiat di samping menahan makan, minum dan jimak. Puasa khusus adalah puasa orang soleh.

Ketiga, puasa khusus yang lebih khusus. Ia adalah puasa hati daripada segala kehendak hina dan fikiran duniawi serta mencegahnya memikirkan apa-apa selain Allah SWT. Puasa tahap ketiga ini adalah puasa para nabi, shiddiqin dan muqarrabin.

KAUM MUSLIMIN RAHIMAKUMULLAH,

Dalam Hadith mutafaq ada menyebut sabda Rasulullah SAW yang bermaksud: *“Barang siapa yang berpuasa dalam Ramadan dengan ikhlas dan mengharap keredhaan-Nya semata-mata, akan diampuni segala dosa-dosanya yang telah lalu.”*

Sehubungan dengan mafhum Hadith tersebut, sudah seharusnya setiap orang islam menyimpan azam serta iltizam untuk mencapai tahap puasa yang lebih baik daripada tahun yang sudah-sudah. Adalah kurang bijak berpuasa hati hanya dengan mencapai tahap puasa umum atau puasa orang kebanyakan dalam menelusuri Ramadan yang penuh berkat dan rahmat ini. Setiap Muslim harus berusaha mencapai puasa tahap yang lebih baik, iaitu tahap kedua, iaitu puasa para solehin.

Imam al-Ghazali menggariskan enam perkara untuk mencapai kesempurnaan puasa tahap puasa khusus.

Pertama, menahan pandangan dari segala hal yang dicela dan makruh dan daripada setiap yang mengganggu dan melalaikan daripada mengingat Allah SWT.

Kedua, menjaga lidah daripada perkataan sia-sia, berdusta, mengumpat dan berkata keji.

Ketiga, menjaga pendengaran daripada mendengar kata-kata yang tidak baik.

Keempat, mencegah anggota tubuh yang lain daripada perbuatan dosa seperti mencegah tangan dan kaki daripada berbuat maksiat dan mungkar, mencegah perut daripada memakan yang haram.

Kelima, tidak berlebih-lebihan ketika berbuka sehingga perut penuh.

Keenam, hati sentiasa diliputi cemas (khauf) dan harap (raja') kerana tidak diketahui apakah puasa kita diterima Allah SWT atau tidak.

JEMAAH JUMAAT YANG BERBAHAGIA,

Hakikatnya, ibadah puasa mendisiplinkan kita kembali supaya ingat akan Allah SWT, sentiasa patuh kepada-Nya dan membina kekuatan iman bagi mencapai darjat muttakin. Ini bererti menjadi kewajipan bagi umat Islam untuk memastikan iman dan takwa sentiasa terpahat kukuh dalam diri dengan melaksanakan amal ibadah dengan bersungguh-sungguh. Iman merupakan roh bagi Islam dan amal ibadat itu merupakan jasad baginya. Dengan pelaksanaan ibadat, akan terbina keutuhan diri dalaman sekali gus melahirkan peribadi terpuji.

Justeru, bulan Ramadan yang mulia dan penuh rahmat ini harus dimanfaatkan sebaik mungkin untuk meningkatkan kualiti dan kuantiti ibadat. Ini kerana, menurut Salman al-Farisi, Rasulullah saw sewaktu berkhotbah pada hari terakhir Syaaban sempena ketibaan Ramadan ada menegaskan bahawa sesiapa yang mengerjakan amalan sunat pada bulan Ramadan, maka ganjarannya seperti orang melakukan amalan wajib pada bulan lain. Dan sesiapa yang melakukan satu amalan wajib pada bulan ini, maka balasannya seperti orang yang melakukan 70 amalan wajib pada bulan lain.

Oleh hal yang demikian, bulan Ramadan bukan sahaja datang bersamanya pemfarduan ibadah puasa, malahan merupakan ruang dan peluang yang dikurniakan Allah kepada hamba-hamba-Nya untuk melipatgandakan amal ibadat. Hikmahnya adalah untuk membolehkan kita sebagai hamba-Nya mencari dan mengumpul sebanyak mungkin pahala buat bekalan dan kesenangan di akhirat kelak.

Firman Allah SWT:

وَسَارِعُوا إِلَىٰ مَغْفِرَةٍ مِّن رَّبِّكُمْ وَجَنَّةٍ عَرْضُهَا السَّمَوَاتُ وَالْأَرْضُ أُعِدَّتْ لِلْمُتَّقِينَ ﴿١٧٦﴾
الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكَبَاطِئِ وَالْغَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ ۗ وَاللَّهُ يُحِبُّ
الْمُحْسِنِينَ ﴿١٧٧﴾ وَالَّذِينَ إِذَا فَعَلُوا فَحِشَةً أَوْ ظَلَمُوا أَنفُسَهُمْ ذَكَرُوا اللَّهَ فَاسْتَغْفَرُوا
لذُنُوبِهِمْ وَمَن يَغْفِرُ الذُّنُوبَ إِلَّا اللَّهُ وَلَمْ يُصِرُّوا عَلَىٰ مَا فَعَلُوا وَهُمْ يَعْلَمُونَ ﴿١٧٨﴾

Maksudnya: “Dan segeralah kamu kepada (mengerjakan amal-amal yang baik untuk mendapat) keampunan dari Tuhan kamu, dan (mendapat) syurga yang bidangnya seluas segala langit dan bumi, yang disediakan bagi orang-orang yang bertakwa. Iaitu orang-orang yang mendermakan hartanya pada masa senang dan susah, dan orang-orang yang menahan kemarahannya, dan orang-orang yang memaafkan kesalahan orang. Dan (ingatlah), Allah mengasihani orang-orang yang berbuat perkara-perkara yang baik; Dan juga orang-orang yang apabila melakukan perbuatan keji, atau menganiaya diri sendiri, mereka segera ingat kepada Allah lalu memohon ampun akan dosa mereka dan sememangnya tidak ada yang mengampunkan dosa-dosa melainkan Allah. Dan mereka juga tidak meneruskan perbuatan keji yang mereka telah lakukan itu, sedang mereka mengetahui (akan salahnya dan akibatnya).” (S. Ali-Imraan: 133-135).

Sejajar dengan anjuran Allah SWT tersebut, hasilah bulan Ramadan ini dengan amal-amal wajib dan sunat. Selain berpuasa pada siang harinya, sama-samalah kita imarahkan malam-malam Ramadan ini dengan solat tarawih, tadarus al-Quran, solat tahajud, berzikir dan beristighfar.

Bagi yang berkemampuan, ringankanlah tangan untuk menghulurkan sedekah kepada golongan fakir dan miskin dan anak-anak yatim. Bagi yang menyimpan perasaan marah dan dendam kepada seseorang, tenangkanlah ia dengan kemaafan dan tolak ansur yang tulus.

Bagi sesiapa yang merasakan dirinya berbuat salah terhadap seseorang, cepat-cepatlah memohon kemaafan daripadanya. Dan bagi kita semua yang tidak pernah sunyi daripada melakukan kesalahan dan dosa, sebaiknya kita segera bertaubat dan memohon keampunan daripada Allah SWT. Sesungguhnya, keikhlasan bersedekah, memadam api kemarahan, suka memaafkan kesalahan orang dan segera bertaubat adalah antara ciri-ciri orang yang bertaqwa.

SAUDARA MUSLIMIN YANG DIRAHMATI ALLAH SWT,

Belum pasti kita akan berkesempatan lagi bersua dengan bulan Ramadan di tahun-tahun akan datang. Begitu juga, belum pasti sama ada kita akan terus berada dalam keadaan sihat wal afiat untuk mengimarah Ramadan ini dan bulan Ramadan akan datang. Semuanya terletak dalam kekuasaan Allah SWT.

Yang terdaya oleh kita hanyalah berdoa kepada Allah SWT memohon supaya dilanjutkan usia serta dikurniakan kesihatan yang baik agar berpeluang bertemu lagi dengan Ramadan mendatang, sekali gus dapat mengerjakan ibadah puasa yang besar fadilatnya. Tetapi andai terasa Ramadan ini merupakan yang terakhir kalinya, maka pergunakanlah baki hayat yang masih tersisa, tubuh badan yang sihat dan harta yang ada untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti ibadat serta memperbanyakkan amal kebajikan untuk mencapai darjat muttakin. Sesungguhnya setiap amalan yang baik akan beroleh ganjaran yang setimpal dari Allah SWT:

فَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ خَيْرًا يَرَهُ ﴿٧﴾ وَمَنْ يَعْمَلْ مِثْقَالَ ذَرَّةٍ شَرًّا يَرَهُ ﴿٨﴾

Maksudnya: "Maka sesiapa berbuat kebajikan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)! Dan sesiapa berbuat kejahatan seberat zarah, nescaya akan dilihatnya (dalam surat amalnya)." (S. Al-Zalzalah: 7-8).

بَارِكْ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَتَفَعَّلِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ
وَتَقَبَّلْ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ
لِيْ وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوْهُ، إِنَّهُ هُوَ الْغَفُوْرُ الرَّحِيْمُ.



TINGKAT AMAL IBADAT CAPAI DARJAT MUTTAKIN

Oleh: JHEAINS

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَرْكَعُوا وَاسْجُدُوا وَعَبَدُوا رَبَّهُمْ وَأَفْعَلُوا الْخَيْرَ لَعَلَّكُمْ

تُفْلِحُونَ ﴿٧٧﴾ (Surah Al-Haj, ayat 77)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى الْهَادِي الْبَشِيرِ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ
اهْتَدَى بِهَدَاهُمْ عَلَى الدَّوَامِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

SAUDARA MUSLIMIN JEMAAH JUMAAT YANG DIMULIAKAN ALLAH SWT,

Patuhilah segala suruhan Allah SWT dan tinggalkanlah segala larangan-Nya agar menjadi orang yang bertakwa dan terselamat pada hari kiamat yang mengandungi peristiwa-peristiwa yang amat mengerikan. Sehubungan itu, marilah kita rafakkan tahmid dan syukur ke hadrat Allah SWT yang telah mengizinkan kita sekali lagi untuk bersua dengan bulan Ramadan al-mubarak tahun ini, seterusnya menunaikan ibadah puasa dengan penuh keimanan dan pengharapan. Sesungguhnya, berpuasa sebulan Ramadan merupakan ibadah yang disyariatkan oleh Allah SWT bagi hamba-hamba-Nya untuk mencapai darjat muttakin sebagaimana firman-Nya:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا كُتِبَ عَلَيْكُمُ الصِّيَامُ كَمَا كُتِبَ عَلَى الَّذِينَ مِنْ قَبْلِكُمْ لَعَلَّكُمْ

تَتَّقُونَ ﴿١٨٣﴾

Yang bermaksud: "Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa." (S. Al-Baqarah: 183).

**Diedar oleh:
Bahagian Penyelidikan dan Informasi
Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah**

NOTA: Teks khutbah ini mengandungi potongan ayat-ayat al-Quran dan Hadith Rasulullah SAW. Mohon jaga dengan cermat dan tidak disepahkan.